

CNS4261

U GB 25-10 00193 BA067

aab

MAHATHIR +JUARA GOLONGAN MISKIN+

Mahathir

I

DAR ES SALAAM, 25 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dikenali ramai di Tanzania kerana beliau sentiasa menjadi tumpuan berita sebagai salah seorang jaguh utama golongan miskin, kata akhbar harian terkemuka Tanzania, The Daily News, dalam lidah pengarang muka depannya.

Akhbar itu yang menyambut baik lawatan pertama Perdana Menteri semalam berkata: +Banyak di antara kita tahu atau mengingati Dr Mahathir, melalui laporan berhubung kerjasama Selatan-Selatan, atau perjuangan antara Selatan yang miskin dan utara yang kaya+.

Menurut akhbar itu, pada pelancaran laporan Suruhanjaya Selatan di Caracas, Venezuela, Ogos tahun lepas, Dr Mahathir telah memainkan peranan penting supaya perakuan laporan itu diterima dan dilaksanakan.

Pada majlis itu, Dr Mahathir mengumumkan bahawa perakuan-perakuan yang terkandung dalam laporan itu telah dilaksanakan lama sebelum ia diumumkan kepada orang ramai oleh pengerusi suruhanjaya Dr Julius Nyerere, yang juga bekas Presiden Tanzania.

+Oleh kerana itu, kehadiran Dr Mahathir bersama kita adalah satu penghormatan besar. Pemimpin Malaysia ini bukan sahaja rakan peribadi kepada rakyat Tanzania tetapi teman sebenar dalam perjuangan bagi pembebasan antarabangsa, sosial dan ekonomi.+ -- Lagi.

▼25/10/17-38MST

U GB 25-10 00134 BA070

aab

Mahathir 2 Dar Es Salaam

Menurut akhbar berbahasa Inggeris itu, Tanzania dan Malaysia mempunyai banyak persamaan dan mencadangkan kedua-dua negara bekerjasama dalam perkilangan dan pertanian kerana Malaysia lebih maju dalam kedua-dua bidang.

Daily News juga menyiarkan tajuk berita utama +Tanzania membuka luas pintunya untuk Malaysia+ dalam laporan muka depannya mengenai lawatan itu.

..Ia melaporkan Presiden Ali Hassan Mwinyi sebagai berkata, Tanzania mengalu-alukan negara-negara sahabat seperti Malaysia datang dan bekerjasama dengan negara itu meneroka sumber semula jadinya yang banyak.

Katanya negara itu dan sumber-sumber semula jadinya tidak banyak diterokai kerana masalah kewangan dan teknologi.

+Kerana itu kita mengamalkan dasar menarik pelaburan tempatan dan luar negeri,+ katanya. Beliau berharap ahli perniagaan Malaysia akan mengambil kesempatan daripada hubungan yang rapat itu. -- Lagi.

▼25/10/17-47MST

U GB 25-10 00169 BA075

aab

Mahathir 3 (Akhir) Dar Es Salaam

Semalam Dr Mahathir menemui beberapa orang tokoh perniagaan **Tanzania** dan kemudian berlepas dengan pesawat khas Tanzania ke pulau **Zanzibar**; yang terkenal kerana cengkiknya. Zanzibar merupakan bahagian yang paling membangun dan makmur dengan per kapita US\$123 (1989), di negara yang mempunyai 24 juta rakyat ini.

Dari Zanzibar, Perdana Menteri **dan Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali** serta Menteri Pertanian **Datuk Seri Sanusi Junid**, terbang ke Arusha, yang terkenal sebagai bandaraya **paling** indah di **kawasan Kilimanjaro**, gunung yang tertinggi dan diliputi salji di Afrika.

Selain daripada melawat kilang di kawasan itu, beliau juga melawat kawasan kawah gunung berapi Ngorongoro, yang mempunyai jumlah **hidupan liar** yang paling banyak.

Beliau bermalam di rumah tumpangan hidupan liar **Ngorongoro** dan akan pulang ke **Dar Es Salaam** pada kira-kira pukul 9 malam waktu **Malaysia** bagi rundingan terakhir dengan Presiden Mwinvi.

Perdana Menteri **di** jadualkan berlepas pulang ke tanah air pada hari Sabtu. -- Bernama..

♥25/10/18-16MST